Publication: Berita Harian, pg 04

Date: 13 September 2021

Headline: Pursuing postgraduate law degree to serve the community

Seramai 2,978 siswasah Universiti Pengurusan Singapura (SMU) meraih ijazah mereka dalam kohort tahun ini. **BERITA HARIAN** mewawancara dua siswazah universiti itu dan menyingkap kisah kejayaan mereka.

► HARITH MUSTAFFA

SEJAK kecil lagi, Encik Lokman Hamin Mohamad Rafi mempunyai impian untuk berkecim-pung dalam bidang perundangan kerana ia salah satu pekerjaan yang mewujudkan keseimbangan antara mencari pendapatan dengan berkhidmat kepada masyarakat.

Namun, selepas lulus dengan ijazah Sarjana Muda Seni dan Sains Masyarakat pada 2005, dan kemudian bekerja sebagai pegawai kawalan dan penguatkuasaan di beberapa kementerian sepan-jang lebih sedekad, Encik Lokman, akhirnya memutuskan melanjutkan pelajarannya lagi dalam bidang yang dicintainya itu pada usia 38 tahun,

Kini, anak tunggal berusia 41 tahun yang dibesarkan oleh ibunya selepas kedua-dua orang tuanya berpisah semasa usianya masih kecil, merupa-kan lulusan possiswazah daripada Sekolah Undang-Undang Yong Pung How di bawah program Doktor Juris, Universiti Pengurusan Singapura

Bukan itu sahaja, sepanjang tempoh beliau mengikuti pengajian ijazah tersebut, Encik Lok-man berkhidmat sebanyak 460 jam dalam kerjakerja pro bono (khidmat yang diberikan secara percuma atau dengan bayaran lebih rendah) bagi membantu mengendalikan isu-isu perundangan

yang dihadapi pembantu rumah migran. Ini dilakukannya semasa menjadi pelatih di pertubuhan tidak meraih untung, Pengadilan Tan-pa Sempadan (Justice Without Borders atau

Ketika dihubungi menerusi e-mel, Encik Lokman berkata, niatnya menceburi bidang tersebut sudah ada di dalam dirinya sejak kecil kerana terpengaruh dengan siri drama seperti *Law and Order (Special Victims Unit)* yang menunjukkan proses pengadilan bagi mangsa jenayah.
Namun, selepas lulus dari Universiti New

South Wales pada 2005 dan mula bekerja sebagai pegawai penguatkuasa dan kawalan di Kementerian Pendidikan (MOE), Kementerian Tenaga Manusia (MOM) serta kemudian mengendali kempen pengiklanan bagi Kementerian Perhubungan dan Penerangan, Encik Lokman berka-ta beliau mula rindu kepada pekerjaan yang memerlukannya turun ke lapangan.

"Kerja seperti itu membuat susah saya melihat makna di sebalik apa yang saya lakukan dalam pe-kerjaan saya itu," katanya, yang belum berumah

'Namun, semasa saya bekerja di MOE dan MOM dan mengendali kes-kes di situ, saya didedahkan sedikit kepada sistem pengadilan kita.

"Itu menyumbang lagi kepada niat saya untuk menceburi bidang undang-undang dan membuka mata saya terhadap bagaimana ia bakal memberi kesan yang ketara terhadap kehidupan sese-

Pada masa yang sama, Encik Lokman berkata meskipun cabaran kembali ke sekolah selepas sedekad bekerja amat sukar buatnya, beliau merasakan bahawa pendedahan dan pengalamannya bekerja membuatnya seorang pelajar yang lebih bijak membahagikan masa untuk bekerja, belajar dan berbakti kepada masyarakat.

Bahkan, beliau membiayai kos pembelajarannya itu dengan wang simpanannya sendiri serta

pendapatan daripada kerja sambilannya sebagai penulis bebas di laman Nasi-hat Undang-Undang Singapura (Singapore Legal Advice). Semasa belajar, Encik Lokman juga berkhidmat sebagai pengurus kes ba-

gi pekerja migran di pertubuhan JWB sepanjang tahun lalu.. Antara lain, beliau ditugaskan membantu pengarah undang-undang JWB dalam urusan pentadbiran dan undang-undang bagi kes berkaitan dengan isu

Beliau juga melibatkan diri dalam bengkel pendidikan yang bertujuan me mupuk kesedaran kepada relawan dan pengendali kes, terhadap cara untuk

Buru ijazah possiswazah bidang guaman untuk berkhidmat kepada masyarakat



NIAT BELAJAR TIDAK KIRA USIA: Encik Lokman Hamin Mohamad Rafi, 41 tahun, baru-baru ini telah lulus dengan meraih liazah Sariana daripada Sekolah Undang-Undang Yong Pung How di bawah program Doktor Juris, SMU, setelah sedekad bekerja di beberapa institusi negara. – Foto BH oleh SYAMIL SAPARI

sangat menyedihkan apabila kami mendengar berita tentang majikan yang menganiaya mereka," katanya lagi.

Kini, Encik Lokman sedang bersiap sedia untuk menduduki peperiksaan bar pada hujung November nanti untuk bertauliah menjadi peguam, dan sementara itu berharap untuk menimba sebanyak mungkin ilmu semasa dalam

"Seluruh hidup saya, saya percaya bahawa perubahan itu adalah pelopor

bagi pembangunan diri kita sendiri.
"Ini telah banyak mendorong saya untuk terus mendapatkan kemahiran dan pengalaman baru serta menghadapi cabaran baru," kata Encik Lokman.

mengumpul bukti bagi kes penganiayaan, melanggar peraturan tenaga manusia serta mendidik mereka dalam hal hak-hak pekerja migran menurut undang-undang tempatan.

'Sepanjang saya berkhidmat di JWB, saya kagum dapat melihat relawan dan pegawai sosial yang berusaha sedaya upaya untuk golongan pekerja migran dan bagaimana mereka dapat memperkukuh lagi sistem sokongan sosial kami untuk golongan tersebut di sini.

"Saya juga merasakan bahawa majikan perlu sedar bahawa pekerja migran adalah manusia dan kami perlu menjaga mereka dengan baik kerana

Sepanjang saya berkhidmat di **JWB** (pertubuhan Justice Without Borders atau Pengadilan

Tanpa Sempadan), saya kagum dapat melihat relawan dan pegawai sosial yang berusaha sedaya upaya untuk golongan pekerja migran dan bagaimana mereka dapat memperkukuh lagi sistem sokongan sosial kami untuk golongan tersebut di

Saya juga merasakan bahawa majikan perlu sedar bahawa pekerja migran adalah manusia dan kami perlu menjaga mereka dengan baik kerana sangat menyedihkan apabila kami mendengar berita tentang majikan yang menganiaya mereka.

- Encik Lokman Hamin Mohamad Rafi.